

**NO. SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 31 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6574**

**SOALAN:**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasional dan sebab-sebab khusus kenapa Kementerian menolak permohonan bagi permit penerbitan media cetak seperti FZ Daily, Malaysiakini dan Suara Keadilan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penerbitan surat khabar umum yang telah diluluskan permit penerbitan adalah memadai dengan jumlah pembaca di negara ini pada masa kini. Penolakan permohonan surat khabar umum bertajuk FZ Daily merupakan langkah awal dalam mengawal lambakan penerbitan surat khabar umum yang berkemungkinan boleh menerbit pelbagai berita dari perspektif yang berbeza mengenai satu-satu isu yang mungkin akan mengelirukan para pembaca.**

**Sementara bagi Malaysiakini pula, penolakan adalah disebabkan langkah awal kawalan ke atas lambakan penerbitan akhbar umum dan ianya dilihat cenderung untuk menerbitkan berita-berita sensasi dan kontroversi untuk menarik minat pembaca.**

**Bagi penerbitan akhbar Suara Keadilan, penolakan permit adalah kerana isi kandungan penerbitan tersebut telah melanggar Akta Mesin Cetak & Penerbitan 1984 (Pindaan) 2012. Penerbit telah diberikan surat tunjuk sebab tetapi gagal mengemukakan jawapan ke atas surat tunjuk sebab yang diberikan menyebabkan keputusan permohonan masih ditangguhkan.**